

*Perjalanan bersama Keluarga Anda  
pada musim Natal ini*



---

# *Adven*

*(Kedatangan)*

---

Renungan oleh  
Pebbles and Stones

# Isi Kandungan Renungan Keluarga Adven 2024

Isi kandungan	Muka Surat
Pengenalan /Format	3
Minggu 1: Harapan	4
Minggu 2: Sukacita	5
Minggu 3: Kasih	6
Minggu 4: Damai Sejahtera	7
Hari Natal	8

# Selamat datang ke Renungan Keluarga Adven 2024!

Renungan ini adalah cara yang mudah dan menyenangkan untuk keluarga, kumpulan kecil, dan gereja-gereja untuk mengembara bersama-sama dan meneroka kisah kelahiran Yesus dan kasih Tuhan kepada kita.

Renungan empat minggu ini adalah berdasarkan tema tradisional Adven - Harapan, Sukacita, Kasih, dan Damai Sejahtera - yang membawa kepada Hari Natal.

## Cara Menggunakan Renungan Ini

Setiap renungan direka bentuk untuk menjadi fleksibel dan mudah diikuti, dengan 4 bahagian utama:

### ★ Soalan Pengenalan (5 minit):

Tanya satu soalan mudah supaya semua orang berfikir, bercakap dan berikan mereka satu hubungan peribadi kepada Cerita Alkitab.

### ★ Cerita Alkitab (5-10 minit):

Ceritakan Kisah Alkitab menggunakan petikan yang disediakan dalam setiap renungan. Anda juga mungkin ingin merujuk kepada rujukan kitab suci tambahan untuk meneroka lebih banyak konteks cerita.

### ★ Doa Kedengaran & Mencatat (5-10 minit):

Renungkan dengan senyap dan tanyakan kepada Tuhan apa yang Dia katakan kepada anda melalui cerita tentang Dirinya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus dilakukan. Anda boleh juga berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.

### ★ Berkongsi & Berdoa (10 minit)

Setiap orang berkongsi tentang perbualannya dengan Tuhan dan dia akan didoakan oleh orang yang duduk di sebelahnya.

Mulakan perjalanan Adven dengan keluarga anda tahun ini!





# Harapan

"Semoga terjadilah kepadaku seperti yang engkau katakan itu."  
Lukas 1:38

Pengenalan (5 Minit)  
**Tanya Soalan Pengenalan:**  
 Apakah sesuatu yang anda harapkan?  
 Jemput semua orang untuk berkongsi jawapan mereka.  
**Contoh:**

- "Jenna berharap dia akan lulus ujiannya."
- "Samuel berharap dapat berjumpa dengan kawan-kawannya."

Apakah sesuatu yang anda harapkan?

Orang Israel mengharapakan Penyelamat untuk masa yang lama, dan Tuhan menggenapi janji-Nya dengan menghantar Yesus.

Cerita Alkitab (5-10 minit)  
**Peralihan ke dalam Cerita:**  
 Sama seperti kita mengharapakan \_\_\_\_\_, umat Israel mengharapakan Penyelamat selama beribu-ribu tahun. Mereka telah diberitahu melalui para nabi, bahawa Penyelamat akan datang sebagai seorang bayi, melalui kelahiran seorang anak dara (baca Yesaya 7:14 dan Yesaya 9:6). Mari kita lihat bagaimana Tuhan menggenapi janji-Nya.  
**Malaikat Menziarahi Maria**  
 Baca: [Lukas 1:26-38](#)

Doa Kedengaran & Mencatat (5-10 minit)  
**Renungan Senyap**

- Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang Diri-Nya, diri anda, dan orang lain, dan apa yang harus dilakukan?
- Anda juga boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.
- Tulis atau lukis perbualan anda dengan Tuhan.

Gesaan Tambahan: Apakah sesuatu dalam Firman Tuhan yang anda harapkan dapat digenapi?

Cari Nazaret (Galilea) pada peta



Berkongsi & Berdoa (10 minit)  
 Setiap orang berkongsi tentang perbualannya dengan Tuhan dan dia akan didoakan oleh orang yang duduk di sebelahnya.

Ayat-ayat Tambahan:  
[Ibrani 11:1](#), [Mikha 5:2](#)

**MINGGU 2**

# Sukacita

"rohku bergembira kerana Allah, Penyelamatku... kerana Yang Maha Kuasa telah melakukan perkara yang besar untuk aku."  
Lukas 1:47-49

Pengenalan (5 Minit)

### Tanya Soalan Pengenalan:

Beritahu kami tentang masa anda teruja. Jemput semua orang untuk berkongsi jawapan mereka.

### Contoh:

- "Jane teruja apabila keluarganya pergi bercuti."
- "James teruja dengan kelahiran adik lelakinya."

Beritahu kami tentang masa anda teruja.

Cerita Alkitab (5-10 minit)

### Peralihan ke dalam Cerita:

Sama seperti kita teruja tentang \_\_\_\_\_, dalam cerita hari ini Maria dan sepupunya Elisabet sangat gembira tentang berita bahawa Maria akan melahirkan Penyelamat.

Maria Melawat Elisabet

Baca [Lukas 1:39-56](#)

Maria dan Elisabet sangat gembira kerana mereka tahu Yesus, Penyelamat, akan datang!


Doa Kedegaran & Mencatat (5-10 minit)

### Renungan Senyap

- Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang Diri-Nya, diri anda, dan orang lain, dan apa yang harus dilakukan?
- Anda juga boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.
- Tulis atau lukis perbualan anda dengan Tuhan.

Gesaan Tambahan:  
Apakah sesuatu yang anda boleh berterima kasih dan bergembira kepada Tuhan?

Cari Ein Karem (Yerusalem) pada peta



Berkongsi & Berdoa (10 minit)

Setiap orang berkongsi tentang perbualannya dengan Tuhan dan dia akan didoakan oleh orang yang duduk di sebelahnya.

Ayat -ayat Tambahan:  
[Filipi 4:4](#), [Roma 15:13](#)



**MINGGU 3**

# **Kasih**

"Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal."

Yohanes 3:16

## Pengenalan (5 Minit)

Tanya Soalan Pengenalan:

Apakah hadiah yang telah anda berikan kepada seseorang yang anda kasihi? Jemput semua orang berkongsi jawapan mereka.

Contoh:

- "Benjamin memberikan anak lelakinya sebuah basikal."
- "Jenny memberi adiknya sebuah anak patung."

Apakah hadiah yang telah anda berikan kepada seseorang yang anda kasihi?

Tuhan sangat mengasihi kita sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, Yesus, untuk menyelamatkan kita dari dosa-dosa kita.

## Cerita Alkitab (5-10 minit)

Peralihan ke dalam Cerita:

Sama seperti kita memberi hadiah untuk menunjukkan kepada orang lain bahawa kita mengasihi mereka, Tuhan menunjukkan kasih-Nya kepada kita dengan memberi kita anugerah Penyelamat.

Kelahiran Yesus

Ceritakan kisah dari Matius 1:18-25 dan Lukas 1:1-7.


## Doa Kedengaran & Mencatat (5-10 minit)

Renungan Senyap

- Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang Diri-Nya, diri anda, dan orang lain, dan apa yang harus dilakukan?
- Anda juga boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.
- Tulis atau lukis perbualan anda dengan Tuhan.

Gesaan Tambahan: Bagaimanakah anda boleh menunjukkan kasih Tuhan kepada orang lain minggu ini?

Cari Betlehem pada peta



## Berkongsi & Berdoa (10 minit)

Setiap orang berkongsi tentang perbualannya dengan Tuhan dan dia akan didoakan oleh orang yang duduk di sebelahnya.

Ayat-ayat Tambahan:  
Ibrani 1:3, 1 Yohanes 4:9-10  
Kolose 1:15, Yohanes 14:9

# Damai Sejahtera

"Sesungguhnya, seorang anak telah lahir bagi kita... dan namanya akan disebut Raja Damai."  
Yesaya 9:6

## Pengenalan (5 Minit)

### Tanya Soalan Pengenalan:

Bila dan di manakah anda berasa damai sejahtera? Jemput semua orang untuk berkongsi jawapan mereka.

### Contoh:

- "Marilyn berasa damai sejahtera duduk di tepi air."
- "Grant berasa damai sejahtera apabila dia tertidur."

Di mana dan bilakah anda berasa damai sejahtera?

Yesus adalah Putera Damai kita, dan Dia membawa kita damai sejahtera tidak kira apa yang berlaku di sekeliling kita.

## Cerita Alkitab (5-10 minit)

### Peralihan ke dalam Cerita:

Sama seperti kita berasa damai sejahtera apabila \_\_\_\_\_, kita boleh miliki damai sejahtera melalui Yesus pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Dalam kisah hari ini, para malaikat memberitahu para gembala itu bahawa Yesus, Putera Damai, telah dilahirkan.

### Malaikat dan Gembala

- Ceritakan kisah dari [Lukas 2:1-21](#)

## Doa Kedengaran & Mencatat (5-10 minit)

### Renungan senyap:

- Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang DiriNya, diri anda, dan orang lain, dan apa yang harus dilakukan?
- Anda juga boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.
- Tulis atau lukis perbualan anda dengan Tuhan

Aspek manakah dalam kehidupan anda yang anda perlu berasa damai sejahtera Tuhan?  
Bagaimanakah anda boleh berkongsi damai sejahtera Tuhan dengan orang lain?

Cari lembangan Beit Sahour (Betlehem) pada peta



## Berkongsi & Berdoa (10 minit)

Setiap orang berkongsi tentang perbualannya dengan Tuhan dan dia akan didoakan oleh orang yang duduk di sebelahnya.

Ayat -ayat Tambahan:  
[Yesaya 11:1-10](#), [Yohanes 14:27](#),  
[Efesus 2:17](#)



# Hari Natal



Kerana matakmu telah melihat penyelamatan-Mu.  
Lukas 2:30-31

## Pengenalan (5 Minit)

Tanya soalan Pengenalan:

Apakah sesuatu yang istimewa yang pernah anda lihat?  
Jemput semua orang untuk berkongsi jawapan mereka.

Contoh:

- "Thomas melihat Air Terjun Niagara."
- "Nancy dapat berjumpa dengan anak saudaranya."

Apakah sesuatu yang istimewa yang pernah anda saksikan?



Simeon telah menunggu melihat Yesus dengan matanya sendiri, dan apabila dia dapat melakukannya, dia memuji Tuhan kerana menghantar Penyelamat.

## Cerita Alkitab (5-10 minit)

Peralihan ke dalam cerita:

Sama seperti anda dapat melihat \_\_\_\_\_, seorang lelaki bernama Simeon dapat melihat sesuatu dengan matanya sendiri yang sudah lama dia menunggu - Penyelamat!

Simeon Melihat Yesus

- Ceritakan kisah dari [Lukas 2:22-23](#)
- Anda juga mungkin mahu membaca penerangan tentang penyelamatan dalam [Titus 2:11-12](#)

## Doa Kedengaran & Mencatat (5-10 minit)

Renungan Senyap

- Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang: Diri-Nya, diri anda, dan orang lain, dan apa yang harus dilakukan?
- Anda juga boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.
- Tulis atau lukis perbualan anda dengan Tuhan.

Gesaan tambahan  
Apakah yang telah Tuhan lakukan untuk anda yang boleh anda ceritakan kepada orang lain?



Cari Gunung Rumah Tuhan (Temple Mount) (Yerusalem) pada peta



## Berkongsi & Berdoa (10 minit)

Setiap orang berkongsi tentang perbualannya dengan Tuhan dan dia akan didoakan oleh orang yang duduk di sebelahnya.



Ayat-ayat Tambahan:  
Markus 5:19, Roma 6:23,  
Efesus 2:8-9





A COLLABORATIVE EFFORT OF GLOBAL NETWORKS AND ORGANIZATIONS FOCUSED ON CHILDREN, YOUNG PEOPLE, FAMILIES, PRAYER, AND MISSION.

TOGETHER  
*for* CHILDREN  
*and* FAMILIES



Lausanne Movement  
Children and Family



Pebbles  
Stones



2 BILLION CHILDREN



Kids!  
PRAY FOR  
ZERO



WEA  
CHILDREN'S NETWORK



Maklumat Hubungan:

Pebbles and Stones  
Kathleen Trock-Molhoek  
P. O. Box 625  
Ada, MI 49301

[info@PebblesandStones.com](mailto:info@PebblesandStones.com)  
[www.PebblesandStones.com](http://www.PebblesandStones.com)

Lausanne Children and Family Network  
[cnfnetwork@lausanne.org](mailto:cnfnetwork@lausanne.org)  
<https://lausanne.org/network/children-and-family>.

Malay Version by  
Jonathan & Lan Siang Yeoh  
Steffi Ann Tabari  
[jonathanyeahmy@gmail.com](mailto:jonathanyeahmy@gmail.com)  
[www.komuniti-digital.com](http://www.komuniti-digital.com)